

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28 October 2015

PM nafi 1MDB hutang IPIC

um - 28/10/2015

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak berhutang dengan syarikat Abu Dhabi, International Petroleum Investment Corporation (IPIC) sebanyak AS\$481 juta (RM2.04 bilion).

Beliau berkata, penyata kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 dengan jelas menyatakan tiada jumlah itu ditanggung syarikat tersebut.

“Ingin ditekankan juga bahawa mana-mana pihak berhak menentukan kaedah pelaporan Penyata

Kewangan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis bagi menjawab pertanyaan Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara) pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Tony ingin tahu jumlah pembayaran yang telah dibuat 1MDB untuk menebus opsi syarikat Powertek Investment Holding dan 1MDB Energy (Langat) daripada Aabar Investment.

Beliau turut mempersoalkan status hutang sebanyak AS\$481 juta seperti tercatat dalam Laporan Audit IPIC untuk Disember tahun lalu.